

### PREPAREDNESS: THE IMPORTANT NEED OF DISASTER TRAINING AS PREPARING FOR DISASTER VOLUNTEERS

### KESIAPSIAGAAN: KEPENTINGAN KEPERLUAN LATIHAN BENCANA SEBAGAI LANGKAH KESEDIAAN SUKARELAWAN BENCANA BANJIR

Nur Hafizah Md Akhir<sup>1</sup>, Azlinda Azman<sup>2</sup> & Noremy Md Akhir<sup>3</sup>

<sup>1</sup> (*Corresponding author*), Pelajar, Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan Universiti Sains Malaysia. nurhafizahmd.akhir@yahoo.com

<sup>2</sup> Dekan, Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia. azlindaa@usm.my

<sup>3</sup> Pensyarah Kanan, Fakuliti Sains Sosial Dan Kemanusiaan Universiti Kebangsaan Malaysia. noremy@ukm.edu.my

**Vol. 8. No. 1**  
**August Issue**  
**2020**

#### **Abstract**

*This paper discusses on preparedness training for flood disaster volunteers. Almost every year, Malaysia has a flood disaster. While volunteering is an important element of the disaster relief process. This study used qualitative methods using case study as research design. A total of 27 respondents in the field of volunteerism under Department of Social Welfare Malaysia (JKMMM) were selected by using purpose sampling. In-depth interviews methods were conducted, recorded, transcribed and data obtained were analyzed using Nvivo12. The results of this study using thematic analysis found that there are five main training required by flood disaster volunteers which are the basic emergency care training, psychological training, physical training, and regular disaster drills training. Therefore, preparedness training are an important factor that needs to be focused so that volunteers can provide more effective assistance. In addition, this study is also expected to have good implications for the disaster relief practice in Malaysia.*

Keywords: Preparedness, Volunteers, Floods, Disaster, Malaysia.

#### **Abstrak**

*Kertas kajian ini membincangkan berkaitan latihan kesediaan sebagai langkah kesiapsiagaan sukarelawan bencana banjir. Hampir setiap tahun Malaysia mengalami bencana banjir. Manakala sukarelawan merupakan elemen penting semasa proses bantuan bencana. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan menggunakan reka bentuk kajian kes. Seramai 27 responden yang terlibat dalam bidang kesukarelawan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKMM) telah dipilih berdasarkan persampelan bertujuan. Kaedah temu bual secara mendalam telah dirakamkan, ditranskrip dan dianalisis menggunakan Nvivo12. Kajian ini juga menggunakan tematik analisis untuk meneroka data yang diperolehi. Hasil kajian mendapati terdapat lima latihan yang diperlukan oleh sukarelawan bencana banjir iaitu latihan rawatan asas kecemasan, latihan psikologi, latihan fizikal, dan latihan bencana secara*

*berkala. Oleh itu, langkah latihan kesediaan adalah faktor penting yang perlu diberi tumpuan agar sukarelawan dapat memberi bantuan yang lebih efektif. Selain itu, kajian ini juga diharapkan dapat memberi implikasi yang baik terhadap praktis sukarelawan bencana di Malaysia.*

*Kata kunci: Kesiapsiagaan, Sukarelawan, Banjir, Bencana, Malaysia.*

## **PENDAHULUAN**

Bidang kesukarelawan adalah tindakan yang mempunyai ciri-ciri etika, sivik dan tanggungjawab sosial yang menyumbang kepada tenaga atau kewangan (Mel, 2016) kepada perkhidmatan kebajikan tanpa mengharap ganjaran (United Nations, 2002). Selain itu, sukarelawan juga merupakan tindak balas aktif berbentuk bantuan atas kerelaan sendiri yang dijalankan secara individu atau berkumpulan (Omoto & Packard, 2016).

Setiap tahun berjuta individu di seluruh dunia menyumbang tenaga dan masa sebagai sukarelawan (Snyder & Omoto, 2008). Keperluan dan tenaga sukarelawan diperlukan dalam pelbagai bidang kebajikan sebagai contoh adalah bencana banjir.

Berdasarkan iklim di Malaysia, bencana alam yang sering berlaku ialah bencana banjir. Kesan daripada kejadian ini telah menyebabkan kemusnahan harta benda, kecederaan dan kematian (Norizan, 2016; Aminuddin, Chun, Cheng, & Nor Azazi, 2012; Shazwani & Mohamad, 2016). Bencana banjir berlaku disebabkan faktor semula jadi seperti hujan lebat yang berterusan sehingga paras air meningkat atau faktor perparitan yang terganggu, penebangan hutan di kawasan sungai dan sebagainya (Rabiul, Roslina, Siti, Jan, & Abdul, 2016).

Pada tahun 2010, lebih daripada 208 juta mangsa telah terjejas kesan daripada bencana alam, lebih membimbangkan sekiranya trend semasa berterusan, kira-kira 100,000 nyawa akan hilang setiap tahun sementara kos bencana alam akan melebihi 300 bilion setahun menjelang 2050 (Malaysia Red Crescent Kuala Lumpur, 2018).

Jumlah mangsa yang terkesan daripada kejadian bencana telah memberi jangkaan bahawa khidmat

bantuan kemanusiaan seperti sukarelawan adalah penting. Menurut Hughes (2016), bantuan bencana adalah khidmat bantuan yang diberikan kepada mangsa bencana, ia merangkumi aspek pengurusan menghadapi bencana dan penyediaan bantuan kemanusiaan.

Kejadian bencana memerlukan pengurusan dan persediaan yang rapi, pengurusan kesediaan sukarelawan juga merupakan aspek penting yang dikaji dibawah persediaan bencana, tindak balas bencana dan pemulihan bencana (Barbour & Manly, 2016). Kenyataan ini turut menjelaskan bahawa keupayaan sukarelawan bertindakbalas dengan kejadian bencana turut bergantung kepada pengurusan dan kesediaan dari sudut latihan dan kemahiran sukarelawan. Oleh itu, kertas kajian ini membincang latihan-latihan persediaan yang diperlukan oleh sukarelawan sebagai langkah kesiapsiagaan dalam memberi bantuan kepada mangsa banjir.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian yang dijalankan adalah berbentuk kualitatif dengan menggunakan kajian kes sebagai reka bentuk kajian. Kajian kualitatif cenderung ke arah penghuraian jawapan kepada isu sosial yang berlaku di kalangan masyarakat (Berg, 2009). Manakala kajian kes adalah berkaitan proses dan penerokaan pemahaman yang mendalam tentang kajian secara menyeluruh (Burns, 1997).

Pemilihan responden adalah menggunakan kaedah persampelan bertujuan. Persampelan bertujuan adalah pemilihan responden berdasarkan persetujuan responden dan kriteria yang telah ditetapkan oleh penyelidik dalam kajian (Kumar, 2005). Kriteria tersebut mestilah berkait dengan persoalan kajian dan secara langsung membantu penyelidik menjawab persoalan tersebut.

Kriteria pemilihan responden adalah seperti berikut:

1. Responden adalah sukarelawan bencana banjir yang berdaftar dibawah Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKMM).
2. Responden adalah berumur 18 tahun ke atas.
3. Responden terdiri daripada sukarelawan perempuan atau lelaki.
4. Responden mestilah seorang sukarelawan JKMM yang aktif dalam bantuan bencana.
5. Responden mempunyai pengalaman melibatkan diri dalam bantuan bencana banjir sekurang-kurangnya sekali.
6. Responden bersetuju untuk mengambil bahagian dalam temubual yang akan dijalankan.

Teknik pengumpulan data yang digunakan adalah temu bual secara mendalam dengan 27 orang sukarelawan yang terlibat dalam bantuan bencana banjir. Temu bual dijalankan secara bersemuka melalui dua sesi dalam tempoh 45 hingga 60 minit. Sebelum temu bual dijalankan, pengkaji telah menyediakan surat dan borang kebenaran temu bual untuk diberikan kepada responden sebagai tanda persetujuan untuk mereka terlibat dalam kajian ini. Sepanjang proses pengumpulan data responden bersetuju untuk ditemu bual dan memberi kerjasama yang baik.

Dalam proses pengumpulan data, penyelidik menggunakan panduan soalan sebagai salah satu instrumen kajian. Panduan soalan adalah berbentuk soalan terbuka (*open ended questions*). Panduan soalan bertujuan membantu penyelidik merujuk soalan-soalan temu bual agar maklumat yang diperolehi menjawab persoalan kajian.

Panduan soalan yang digunakan terhasil berdasarkan pembacaan kajian literatur dan perbincangan bersama penyelia yang merupakan pakar dalam bidang kajian yang dikaji. Sepanjang proses temu bual, penyelidik turut menggunakan perakam suara untuk merekod maklumat yang dikongsikan

oleh responden. Penyelidik menemubual 27 orang responden sehingga mencapai tahap ketepuan (*saturation point*).

Hal ini kerana, tidak ada informasi baru selepas responden ke 25 sehingga 27. Tambahan pula, segala maklumat yang diperolehi telah merangkumi segala aspek dalam kajian yang dijalankan.

Seterusnya, hasil data yang diperolehi telah dianalisis secara tematik dengan menggunakan perisian Nvivo12. Penyelidik telah menggunakan tujuh langkah dalam proses penganalisisan data iaitu transkripsi, organisasi data, kelaziman, koding, tema, demonstrasi kebolehpercayaan dan laporan.

Transkripsi adalah proses penulisan semula data mentah yang diperolehi daripada temu bual. Hasil transkripsi disimpan (*save*) ke dalam fail sebelum dimasukkan ke dalam perisian Nvivo12. Fail kemudiannya di import ke dalam perisian Nvivo12 untuk dibaca semula oleh penyelidik.

Seterusnya, pengorganisasian data dilakukan untuk menyusun maklumat berdasarkan persoalan kajian. Ia dapat membantu memudahkan penyelidik untuk mencari maklumat yang diperlukan. Seterusnya, pelaziman data dilakukan untuk membantu penyelidik mendalami data yang diperolehi sebelum proses koding dijalankan. Proses koding memerlukan penyelidik mengenalpasti petikan teks dan disimpan di dalam *item database* yang dikenali sebagai *Node*.

Penyelidik menggunakan tiga langkah dalam proses pengkodan iaitu menyerlahkan (*highlight*) perkataan, ayat atau perenggan yang ingin dikod, kemudian menaip nama *Node* yang dirasakan sesuai dan menekan butang kod.

Seterusnya, pada peringkat demonstrasi kepercayaan pula, penyelidik menggunakan kemudahan *modeler* dan *search tool* dalam Nvivo12. Ia bertujuan untuk membantu menjelaskan data, memeriksa konseptual yang hilang dan menghasilkan persoalan baru.

Terakhir sekali adalah penulisan

laporan. Pada peringkat ini penyelidik mendasarkan beberapa panduan sebelum menulis laporan. Antaranya adalah panduan menerusi semakan koding, pembahagian *node*, berpandukan perwakilan visual (*modeler*) atau *search tool*. Rumusan metodologi kajian yang digunakan adalah seperti rajah 1.0 berikut:

**Rajah 1.0:**  
**Rumusan Metodologi Kajian**

|                         |                                 |
|-------------------------|---------------------------------|
| Kaedah kajian           | Kualitatif                      |
| Reka bentuk kajian      | Kajian kes                      |
| Persampelan kajian      | Persampelan bertujuan           |
| Bilangan responden      | 27 orang responden              |
| Teknik pengumpulan data | Temu bual mendalam              |
| Instrumen kajian        | Panduan soalan (soalan terbuka) |
| Analisis kajian         | Analisis tematik                |

**DAPATAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN**

Terdapat 27 orang responden daripada sukarelawan JKMM yang terlibat dalam bantuan bencana dipilih berdasarkan persampelan bertujuan. Responden yang terlibat dalam kajian ini terdiri daripada mereka yang berumur di antara 38 tahun hingga 65 tahun.

Majoriti responden adalah dalam kalangan perempuan manakala status perkahwinan 23 orang responden telah berkahwin, 3 orang responden ibu tunggal dan seorang responden bujang.

Dari aspek pekerjaan pula, tujuh orang responden bekerja sebagai penghulu, lima orang responden berniaga, tiga orang responden adalah Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JKKKP), seorang Setiausaha Jawatankuasa Perumahan Penduduk

(JKPP), seorang pembantu perubatan, seorang penolong pengurus pasaraya, seorang tukang jahit, seorang kontraktor, seorang pengasuh bayi, seorang bidang mengurut, dan lima orang responden tidak bekerja.

Hasil kajian mendapati terdapat lima latihan yang diperlukan oleh sukarelawan bencana banjir iaitu latihan rawatan asas kecemasan, latihan psikologi, latihan fizikal, dan latihan bencana secara berkala. Setiap daripada latihan tersebut akan diuraikan seperti berikut:

**(1) Latihan Rawatan Asas Kecemasan**

Hasil kajian mendapati responden menyatakan latihan adalah aspek utama yang perlu diberikan kepada sukarelawan. Antara latihan tersebut adalah latihan rawatan asas kecemasan. Latihan ini dilihat dapat membantu responden bertindakbalas kepada mangsa yang mengalami kecederaan ringan.

Kekurangan pendedahan kepada latihan rawatan asas kecemasan ini menyebabkan responden tidak berkeyakinan untuk membantu mangsa banjir. Tambah responden lagi, beliau hanya bertugas berdasarkan pengalaman lepas. Berikut adalah petikan temu bual daripada responden berkaitan latihan rawatan asas kecemasan:

*“Sepatutnya kena ada kursus macam menyelamatkan mangsa banjir. Macam pertolongan cemas, ada juga mangsa-mangsa ni yang patah tangan ke kanan jadi kita boleh pasang anduh untuk sementara. Yang paling letak nombor satu latihan. Barulah sukarelawan tu lebih sedia nak membantu. Sebab kita tolong pun ikut pengalaman”* (Responden 26).

Selain itu, terdapat juga responden yang menyatakan ilmu asas dalam bidang kesukarelawan seperti latihan pertolongan cemas adalah penting. Latihan yang diberikan dapat membantu sukarelawan bertindakbalas kepada mangsa yang mengalami luka ringan sebelum pihak hospital tiba.

Tambah responden lagi, beliau masih belum menerima latihan

kecemasan. Oleh itu, bantuan yang diberikan hanya berdasarkan kemampuan responden. Berikut adalah petikan temu bual responden berkaitan latihan ini:

*"Latihan pertolongan cemas memey (memang) penting. Tapi setakat ni latihan tu belum ada lagi. Nak buat nak buat tak jadi. Sekurangnya sukarelawan ni dia tahu asas nak balut luka ke, cuci luka ke. Apa yang patut dilakukan dulu. Jadi memey (memang) latihan ni penting untuk sukarelawan. Sukarelawan ni ibarat macey (macam) kosong kita buak (buat) mana yang mampu jelah"* (Responden 25).

Keperluan latihan ini boleh dikaitkan dengan teori keperluan Maslow yang menekankan bahawa keperluan asas perlu dipenuhi terlebih dahulu sebelum individu mencapai kesempurnaan sendiri (McLeod, 2007).

Oleh itu, latihan rawatan asas kecemasan ini adalah keperluan asas yang perlu diberikan kepada sukarelawan bencana sebelum melibatkan diri dalam bantuan bencana. Tambahan pula, kerja sukarela bencana banjir turut melibatkan risiko kecederaan dan kemalangan yang memerlukan sukarelawan mahir dalam pengurusan rawatan asas kecemasan.

Sebagaimana yang dinyatakan oleh Roger, Mike, Franziska dan Sari (2004), sukarelawan yang bertugas semasa bantuan kecemasan dan menyelamatkan mangsa banjir turut berisiko mengalami kecederaan. Oleh itu, latihan asas rawatan kecemasan ini bukan sahaja dapat digunakan untuk membantu mangsa malahan membantu diri sukarelawan itu sendiri.

## **(2) Latihan Psikologi**

Hasil kajian turut mendapati responden memerlukan dua bentuk latihan psikologi iaitu latihan pengurusan emosi mangsa bencana dan latihan pengurusan emosi sukarelawan bencana. Menurut responden ke 8, beliau memerlukan semangat dan persediaan dari aspek mental (psikologi) kerana proses membantu memulihkan emosi mangsa

bencana banjir bukanlah satu perkara yang mudah. Hal ini demikian kerana, mangsa mengalami tekanan yang mendalam kesan daripada bencana banjir.

Oleh itu, latihan pengurusan emosi mangsa diperlukan oleh sukarelawan untuk meningkatkan kesediaan dalam membantu memulihkan emosi mangsa. Berikut adalah kenyataan daripada responden berkaitan latihan pengurusan emosi mangsa.

*"Yang perlu semangatlah (semangatlah) untuk diri kito (kita), diri semangat (semangat), pah (lepas) tu macey (macam) kita err mental kena kuat (kuat), semangat (semangat) kita kena ada. Haa.. sokongan daripada segi mental tu penting. Yang paling utama. Kemudiye (kemudian) baru diikuti dengey (dengan) latihey (latihan) dan lain-lain. Ha.. kito (kita) keno (kena) sedio (sedia) dari mentallah dulu, hok (yang) tu.. ehh nok (nak) gi (pergi) jumpo (jumpa) orey (orang) nok (nak) gi (pergi) beri nasihak (nasihat) kat orey (orang) ni payoh (payah) jugok (juga), bukey (bukan) seney (senang). Hok (yang) orey (orang) boleh (boleh) terimo (terima), boleh (boleh) terimo (terimo), hok (yang) tok (tak) beluh (boleh) terimo (terima), tok (tak) boleh (boleh) terimo (terima). Haa.. nok (nak) bantu orey (orang) kadey-kadey (kadang-kadang) kito (kita) bantu, orey (orang) tok (tak) sey (hendak) dengar pong (pun). Haa.. dak?"* (Responden 8).

Selain mangsa, sukarelawan yang bertugas semasa kejadian banjir turut terkesan dengan peristiwa banjir yang berlaku. Hasil kajian mendapati responden bersimpati dengan keadaan yang dilalui oleh mangsa. Walau bagaimanapun, tekanan yang dialami mangsa turut mempengaruhi responden kerana responden juga adalah mangsa banjir.

Responden menjalankan tugas dengan mendengar permasalahan mangsa, namun hakikatnya responden turut mengalami masalah yang sama. Tambah responden lagi, kesedihan yang dialami adalah dua kali ganda daripada

mangsa banjir. Berikut adalah petikan temu bual responden:

*"Perasey (perasaan) tu ha la kesiyelah (kesian) sebak (sebab) kita pun mengalami jugok (juga). Banjir tu kita sendiri jadi kita raso (rasa) yelah tekaney (tekanan) pada diri mangsa banjir tu samalah dengey (dengan) kita sebak (sebab) kita pun mangsa. Tekaneny (tekanan) mangsa pun mempengaruhi kita. Dia macey (macam) bila dia merintih tu dio akey (akan) bagi tahu kita, jadi kita ni mendengar rintihan dio (dia). Apa tu sakit dio (dia) pun kito (kita) kena dengar semua lah boleh (boleh) dikata key (kan). Tapi kita pun ada masalah kita kat rumoh (rumah) ha. Dengey (dengan) masalah (masalah) dio (dia) lagi dengey (dengan) masalah (masalah) kito (kita) lagi. Sedih memey (memang) sedihlah masa 2014 tu kalau ore (orang) tok (tak) keno (kena) banjir tak po (tak apa) dio (dia) jadi sukarelawey (sukarelawan) kito (kita) ni mangsa banjir lagi jadi sukarelawey lagi. Memey (memang) dua kali gandalah kesedihey (kesedihan) atas kita ni"* (Responden 5).

Kesan daripada bebanan dan cabaran tugas ketika bencana berlaku juga akan mempengaruhi kesejahteraan psikologi sukarelawan (Brooks et al., 2015). Huraian berkaitan latihan ini jelas menerangkan bahawa latihan psikologi iaitu latihan pengurusan emosi mangsa bencana dan latihan pengurusan emosi sukarelawan bencana perlu diberikan kepada responden.

Kepentingan latihan ini bukan sahaja dapat mengurangkan masalah psikologi yang di alami oleh sukarelawan malah dapat meningkatkan kesediaan dalam kalangan sukarelawan bencana.

### **(3) Latihan Fizikal**

Seterusnya, kajian ini turut mendapati responden memerlukan latihan fizikal seperti latihan simulasi banjir. Latihan simulasi banjir adalah latihan fizikal secara praktikal yang dijalankan bertujuan untuk menguji keupayaan, kemahiran dan ketahanan diri sukarelawan apabila berhadapan dengan situasi banjir.

Menurut responden, pihak organisasi telah menyediakan latihan fizikal, namun ia tidak diberikan secara menyeluruh. Sedangkan masih ramai sukarelawan yang aktif menjalankan kerja bencana tidak mendapat latihan fizikal ini. Berikut adalah kenyataan daripada responden:

*"Persediaan yang diberikan oleh JKMM adalah sangat terbatas sebab dia kebanyakannya dia bagi kepada ketua-ketua sahaja. Saya pernah sertai, sekali di selangor, persediaan dalam sungai, banyaklah. Bencana dalam sungai. Itu pun hanya untuk ketua sukarelawan sahaja, sedangkan sukarelawan yang lain. Jadi tak seronoklah sebab kita sahaja yang tahu. Sebenarnya kita kena bawa semua"* (Responden 11).

Latihan fizikal adalah penting kerana tindakbalas bencana lebih banyak menggunakan tenaga fizikal sukarelawan. Oleh itu, latihan seperti simulasi banjir dapat meningkatkan persediaan fizikal sukarelawan dan melatih sukarelawan untuk bekerjasama dengan ahli-ahli lain yang turut sama terlibat dalam bantuan banjir.

Sebagaimana yang dinyatakan oleh David, Julia dan Douglas (2012), kerjasama daripada aspek maklumat yang baik dan jelas dapat membantu sukarelawan memahami situasi bencana, proses pemulihan bencana dan tindakan yang perlu dilakukan.

Walaupun JKMM telah menyediakan latihan simulasi banjir, namun penyelidik mencadangkan agar penambahbaikan kepada penyertaan yang menyeluruh perlu dilakukan kepada responden yang aktif memberi bantuan bencana. Penambahbaikan ini bukan sahaja dapat memperkemas perancangan tindakbalas bencana organisasi malahan dapat meningkatkan kesediaan sukarelawan dari aspek fizikal.

### **(4) Latihan Bencana Secara Berkala**

Hasil kajian mendapati responden menjelaskan bahawa sukarelawan perlu diberi latihan yang pelbagai dalam bidang bencana. Walaupun responden diberi penerangan semasa bertugas

namun, responden mengakui masih memerlukan latihan yang lebih praktikal.

Tambah responden lagi, pihak organisasi pernah mengadakan latihan simulasi banjir namun, tidak dilakukan secara berterusan. Oleh itu, responden berpendapat bahawa latihan simulasi tersebut perlu dijadikan latihan tahunan agar sukarelawan sentiasa peka dengan tugas mereka. Berikut adalah kenyataan responden berhubung perkara tersebut:

*"Memey (memang) banyaklah latihan perlu ada untuk sukarelawan. Patutnya latihan cara kita nak menolong orang dalam air. Macam mana kita nak buat. Air dah setakat ni macam mana kita nak buat. Dia kena bagi penerangan dekat sukarelawan ni. Selepas tu sampai di pusat. Memey (memang) penerangan secara asas tu dia pernah bagi tapi kita kena buat praktikal pulak. Tapi dulu dia dah pernah buat juga simulasi banjir tapi sekejap ja. Sepatutnya dia jadikan acara tahunan supaya sukarelawan tu ingat cara nak praktik. Buatlah dalam sehari dua hari ke. Kalau setakat bagi penerangan macam tu je balik kosong dah"* (Responden 25).

Selain itu, responden ke 12 turut menyatakan bahawa sukarelawan perlu diberi latihan persediaan bencana setiap tahun. Responden juga menegaskan sukarelawan perlu diberi latihan yang lebih kerap.

Tambah responden lagi, walaupun kejadian bencana banjir berlaku setiap tahun, beliau terkilan kerana latihan yang diberikan hanya sekali dalam tempoh empat tahun. Berikut adalah kenyataan daripada responden:

*"Latihan tu buaklah (buatlah) setahun sekali ko (ke), makna latihey (latihan) tu perlu lebih lagi. Ni buak (buat) empak (empat) tahun, limo (lima) tahun pah (selepas) tu senyap. Sedang key (kan) banjir ni tiak-tiak (tiap-tiap) tahun"* (Responden 12).

Penerangan berkaitan latihan bencana secara berkala ini menjelaskan bahawa latihan persediaan perlulah dilakukan secara berterusan dan berkala untuk

memastikan kesediaan sukarelawan lebih efektif dan berkesan.

Hal ini kerana, pengurusan tindakbalas bencana bukan hanya berpandukan kepada teori sahaja sebaliknya ia perlu dipraktikkan secara berterusan. Tambahan pula, proses latihan bencana merupakan platform paling berkesan untuk membangunkan kesediaan sukarelawan tindakbalas bencana (Perry & Lindell, 2003).

## **PENUTUP**

Sebagai kesimpulan, hasil kajian menjelaskan bahawa terdapat empat bentuk latihan persediaan bencana yang diperlukan oleh responden yang merupakan sukarelawan bencana JKMM.

Antaranya ialah latihan rawatan asas kecemasan, latihan psikologi yang merangkumi latihan pengurusan emosi mangsa banjir dan latihan pengurusan emosi sukarelawan bencana. Seterusnya, latihan fizikal iaitu latihan simulasi banjir dan yang terakhir adalah latihan bencana secara berkala.

Hasil dapatan kajian ini diharapkan dapat membantu organisasi yang menguruskan sukarelawan bencana memberi latihan persediaan bencana sebagaimana yang diperlukan oleh responden.

Selain itu, kajian ini juga diharapkan dapat membantu profesion bantuan kemanusiaan yang lain seperti pekerja sosial, kaunselor, jabatan-jabatan kerajaan mahupun bukan kerajaan dalam membantu melaksanakan latihan persediaan yang diperlukan oleh sukarelawan.

Oleh itu, adalah penting latihan yang dirangka perlulah bersifat terbuka dalam membantu kesediaan bencana disamping menjaga kebajikan sukarelawan ke arah kesejahteraan hidup yang lebih baik.

Keperluan latihan persediaan bencana yang lengkap ini juga secara langsung dapat membantu agensi mengalakkan penyertaan masyarakat untuk terlibat dalam bidang kesukarelawan.

## RUJUKAN

- Aminuddin, A. G., Chun, K. C., Cheng, S. L., & Zakaria, N. A. 2012. *Sungai Pahang Digital Flood Mapping: 2007 Flood*. International Journal of River Basin Management, 10(2), 139-148. doi: 10.1080/15715124.2012.680022
- Barbour, J. B., & Manly, J. N. 2016. *Redefining Disaster Preparedness: Institutional Contradictions And Praxis In Volunteer Responder Organizing*. Management Communication Quarterly, 30(3), 333-361. doi: 10.1177/0893318916629101
- Berg, B. L. 2009. *Qualitative Research Methods For Social Sciences*. United States: Pearson.
- Brooks, S. K., Dunn, R., Sage, C. A. M., Amlot, R., Greenberg, N., & Rubin, G. J. 2015. *Risk And Resilience Factors Affecting The Psychological Wellbeing Of Individuals Deployed In Humanitarian Relief Roles After A Disaster*. Journal of Mental Health, 24(6), 385-413. doi: 10.3109/09638237.2015.1057334
- Burns, R. B. 1997. *Introduction To Research Methods*. Australia Longman.
- David, J., Julia, B., & Douglas, P. 2012. *Multi-Agency Community Engagement During Disaster Recovery Lessons From Two New Zealand Earthquake Events*. Disaster Prevention and Management: An International Journal, 21(2), 252-268. doi: 10.1108/09653561211220034
- Hughes, W. R. 2016. *Understanding Disaster Relief*. In C. M. Brackette (Ed.), *Professionnal Counseling Programs (Disaster Relief ed., pp. 13)*. Mercer University: Mercer University.
- Kumar, R. 2005. *Research Methodology: A Step By Step Guide For Beginners*. Australia: Pearson Longman Education.
- Malaysia Red Crescent Kuala Lumpur. 2018. *Disaster Management*. Retrieved 22.March, 2019, from <http://bsmmkl.com/disaster-management/>
- McLeod, S. A. 2007. *Maslow's Hierarchy of Needs*.
- Mel, N. d. 2016. *Relocating the self: The Crisis In Volunteerism*. Journal of the Ceylon College of Physicians, 47(1), 52-53.
- Norizan, Y. 2016. *Pengurusan Elemen Psikologikal Sebagai Persediaan Menghadapi Bencana: Satu Kajian Kualitatif Terhadap Mangsa Banjir Di Kelantan (Management Of Psychological Elements As Preparation In Facing Disasters: A Qualitative Study Of Flood Victims In Kelantan)*. Jurnal Psikologi Malaysia 30(2), 74-81.
- Omoto, A. M., & Packard, C. D. (2016). *The Power Of Connections: Psychological Sense Of Community As A Predictor Of Volunteerism*. The Journal of Social Psychology, 156(3), 272-290. doi: 10.1080/00224545.2015.1105777
- Perry, R. W., & Lindell, M. K. 2003. *Preparedness for Emergency Response: Guidelines for the Emergency Planning Process Disaster*. 27(4), 336-350. doi: 10.1111/j.0361-3666.2003.00237.x
- Rabiul, I., Roslina, K., Siti, A. A., Jan, S. J., & Abdul, R. A. 2016. *A Review On Mechanism Of Flood Disaster Management In Asia*. International Review of Management and Marketing, 6(1), 29-52.
- Roger, F., Mike, A., Franziska, M., & Sari, K. 2004. *Floods, Health And Climate Change: A Strategic Review*. London School of Hygiene and Tropical Medicine: Tyndall Centre for Climate Change Research.
- Shazwani, S., & Mohamad, S. K. 2016. *Flood Disaster Management In Malaysia: A Review Of Issues Of Flood Disaster Relief During And Post-Disaster*. Paper presented at

the International Soft Science  
Conference.

Snyder, M., & Omoto, A. 2008.  
*Volunteerism: Social Issues  
Perspectives And Social Policy  
Implications*. Social Issues and  
Policy Review, 2(1), 1-36. doi:  
10.1111/j.1751-  
2409.2008.00009.x

United Nations. 2002. *Recommendations  
On Support For Volunteering*.  
United Nations: United Nations.

**Penafian**

*Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini  
adalah pandangan penulis. Perdana:  
International Journal of Academic Research  
tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa  
kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti  
yang disebabkan oleh / timbul daripada  
penggunaan kandungan artikel ini.*